

**PERANAN PENGETUA SEBAGAI PENGURUS KOKURIKULUM DI SEKOLAH  
MENENGAH DAERAH MERSING**

**NOR AZAH BINTI AZMAN**

Disertasi ini dikemukakan  
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan ijazah Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

2007

## **DEDIKASI**

Untuk ibu dan papa tersayang,  
Khusus buat suami tercinta, Mohd Hapiz Bin Raya,  
Anak-anak, Mohd Haziq dan Iwani,  
Kasih sayang dan dorongan kalian amat kuhargai buat selamanya.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT. kerana dengan keizinan-Nya dapat saya menyiapkan Kertas Projek ini. Saya terlebih dahulu melafazkan sekalung doa dan ucapan terima kasih kepada Penyelia Kertas Projek, Dr. Mohd. Anuar Bin Abdul Rahman yang telah memberikan bimbingan dan pandangan bagi menyiapkan Kertas Projek ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah lain yang telah banyak memberikan pelajaran serta pengajaran kepada saya selama mengikuti kursus ini bagi menambahkan ilmu dan pengalaman yang tidak ternilai harganya.

Bagi kedua-dua ibu bapa, terima kasih , dorongan dan segala pengorbanan yang dicurahkan dan diberikan akan dikenang sepanjang hayat. Ribuan terima kasih kepada suami tercinta, Mohd Hapiz Bin Hj. Raya kerana memahami masalah yang dihadapi oleh isteri sebagai seorang pelajar dan sentiasa memberikan restu bagi meneruskan perjalanan dalam mendapatkan ilmu bagi bekalan meneruskan wadah perjuangan di alam pekerjaan di kemudian hari. Adik-adik yang memahami, angah dan adik terima kasih juga diucapkan kerana sentiasa memberikan dorongan dan inspirasi. Buat anak-anak yang dikasih; Muhammad Haziq dan Iwani, kesabaran kalian menjadi pendorong kepada ibu meneruskan pengajian. Semoga anakanda berdua akan menjadi anak yang berjaya di dunia dan akhirat.

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi penyelaras kokurikulum terhadap peranan pengetua sebagai pengurus kokurikulum di sekolah-sekolah menengah daerah Mersing. Aspek pengurusan kokurikulum yang dilihat adalah pengetua sebagai perancang, pengelola, pemimpin, dan pengawal pengurusan kokurikulum serta pengurusan kokurikulum secara keseluruhan. Sampel kajian ini terdiri daripada 90 orang guru dari 9 buah sekolah menengah di daerah Mersing. Kajian ini bersifat deskriptif dengan menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan kepada panduan pengurusan kokurikulum yang telah dikeluarkan oleh Jemaah Nazir Sekolah. Soal selidik telah diuji terlebih dahulu untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan dengan mengadakan satu kajian rintis dan kemudian dianalisis dengan menggunakan alpa Cronbach dan mendapati nilai Alpha adalah 0.952. Data yang diperolehi dianalisis telah menggunakan kaedah deskriptif bagi menerangkan dapatan Skor min dan sisihan piawai digunakan bagi menerangkan setiap dimensi yang dikaji. Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menilai persepsi penyelaras kokurikulum berdasarkan maklumat demografi penyelaras kokurikulum untuk peranan yang dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kokurikulum di sekolah. Dapatkan menunjukkan bahawa guru-guru mempersepsikan pengetua mereka memainkan peranannya dalam pengurusan kokurikulum pada tahap sederhana bagi setiap dimensi dan pengurusan keseluruhan. Justeru itu, diharapkan agar pengetua memainkan peranan yang lebih efektif dalam pengurusan kokurikulum agar guru dapat merasakan pengetua sentiasa terlibat dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah.

## **ABSTRACT**

The aim of the study was to investigate at the co-curriculum coordinator perception to wards role of principals in co-curriculum management in Mersing district. The principal's of co-curriculum management studied includes the area of planning, organizing, controlling and overall leadership. The sample consists of 90 teachers from 9 secondary school in Mersing. The study carried out is descriptive in nature using a set of questionnaire based on the "Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah" by Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan with chapter on co-curriculum management as a guide its validity and reliability. Analysis using the Alpha Cronbach resulted in an Alpha value of 0.952. The data were analysed using descriptive statistic. Each of the dimension is explained using mean score and standard deviation. T-Test and ANOVA based on the co-curriculum coordinator demographic background are also carried out to evaluate the co-curriculum coordinator perception to wards the role of principal in co-curriculum management. The findings indicate that the principals were perceived to be performed their co-curriculum management for every dimension and overall, at a moderate level only. Therefore, the principal were hoped to play more effective roles in their co-curriculum management, so the teachers will feel that the principals always involved in their co-curriculum management schools.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	x
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xi

<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian Dan Hipotesis Kajian	8
1.5.1	Persoalan Kajian	8
1.5.2	Hipotesis Kajian	9
1.6	Rasional Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Batasan kajian	11
1.9	Kerangka Kajian	13
1.10	Definisi Kajian	16

1.10.1	Peranan Pengetua	16
1.10.2	Pengurusan Kokurikulum	16
<b>2</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep pengurusan	18
2.2.1	Pengurusan	18
2.2.2	Kokurikulum	27
2.2.3	Dasar Pelaksanaan Kokurikulum	29
Di Sekolah		
2.2.4	Tujuan Program	31
Kokurikulum		
Di Sekolah		
2.2.5	Konsep Kesepaduan	32
Dalam Kokurikulum		
Bersepadu		
2.3	Pengetua Sebagai Pengurus	33
Kokurikulum		
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk	37
3.3	Tempat dan Sampel Kajian	38
3.4	Instrumen	39
3.5	Kebolehpercayaan Dan Kesahan item	41
3.6	Prosedur Kajian	42
3.7	Analisis Data	43

<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis tentang latar belakang responden	47
4.3	Dimensi Peranan Yang Sepatutnya dan Yang Sebenar Dilakukan Oleh Pengetua	51
4.4	Pengujian Hipotesis	52
4.4.1	Hipotesis 1 (Ho1)	52
4.4.2	Hipotesis 2 (Ho2)	53
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	54
5.2	Rumusan Kajian	54
5.3	Perbincangan dan Kesimpulan	56
5.4	Cadangan Dan Tindakan	60
5.5	Penutup	61
	<b>RUJUKAN</b>	63

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Pembahagian Item Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum (Perancang, Pengelola, Pemimpin, dan Pengawal)	40
3.2	Jadual objektif dan statistik yang digunakan	44
3.3	Pengukuran Tahap	44
4.1	Analisis Bilangan Responden Mengikut Jawatan Yang Disandang, Umur Serta Jantina	47
4.2	Analisis Responden Mengikut Jawatan Yang Disandang, Kelulusan Akademik Tertinggi Dan Jantina	48
4.3	Analisis Responden Mengikut Jawatan Yang Disandang, Kelulusan Akademik Tertinggi Dan Jantina	49
4.4	Peranan Yang Sepatutnya Dan Yang Sebenar Dilakukan Oleh Pengetua	51
4.5	Ujian-t Bagi Amalan Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum Mengikut Jantina.	52
4.6	ANOVA bagi amalan pengetua sebagai pengurus kokurikulum mengikut jawatan penyelaras kokurikulum sekolah.	53

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Kajian	13
2.1	Proses Pengurusan Dalam Organisasi	21
2.2	Konsep Pengurusan Taylor	26

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kokurikulum merupakan suatu aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan diluar bilik darjah. Menurut Abd.Alim (1995), aktiviti kokurikulum merupakan kesinambungan dan pengukuhan kepada program atau aktiviti pembelajaran di bilik darjah atau kurikulum. Kegiatan kokurikulum sesungguhnya penting untuk membantu melengkapi dan memperkuatkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah, di samping itu ia juga dapat menunjukkan perubahan tingkah laku dan banyak mempengaruhi sahsiah murid. Justeru itu, Kementerian Pelajaran telah mewajibkan semua sekolah melaksanakan aktiviti kokurikulum dan setiap pelajar pula ditegaskan untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang telah diprogramkan. Kementerian Pelajaran (1989), menyatakan gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja yang bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman-pengalaman pembelajaran. Gerak kerja kokurikulum boleh dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah seperti bidang badan beruniform, bidang persatuan dan kelab dan bidang sukan dan permainan.

Ibrahim (2001) merumuskan kegiatan kokurikulum adalah satu bidang pembelajaran yang berasaskan pelbagai gerak kerja terancang dan perlu dilakukan dalam masa persekolahan. Gerak kerja kokurikulum adalah berorientasikan dari dan

bukan berdasarkan mata pelajaran akademik. Kegiatan-kegiatan kokurikulum juga dikatakan satu cara bagi mencapai matlamat-matlamat pendidikan. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menyatakan bahawa gerak kerja kokurikulum ini;

*“...adalah penting untuk menyemai, memupuk, dan menanam perasaan kekitaan atau ‘esprit de corps’ di antara pelajar-pelajar berbagai-bagai keturunan. Aktiviti kokurikulum bertujuan melatih pelajar-pelajar supaya bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari, dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai”.*

(sumber: Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran tahun 1979)

Namun begitu, sekolah-sekolah di Malaysia masih terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan dan keberkesanan gerak kerja kokurikulumnya. Antara sebab-sebabnya adalah wujudnya anggapan bahawa gerak kerja kokurikulum ini tidak penting kerana tidak menekankan domain intelek. Menurut Coleman (1961), melalui model ‘Zero Sum’ menegaskan bahawa penglibatan yang tinggi oleh para pelajar dalam kegiatan kokurikulum akan melemahkan pencapaian akademik mereka akibat daripada pengurangan masa yang digunakan untuk pembelajaran akademik.

Walaubagaimanapun, banyak kajian yang dibuat selepas Coleman (1961) yang menunjukkan dapatan sebaliknya. Contohnya, menurut Holland dan Andre dalam buku pengurusan sekolah (Omardin : 1999), penglibatan pelajar di dalam kegiatan kokurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan individu itu. Penglibatan pelajar dalam kokurikulum juga boleh menghasilkan kesan yang positif yang dapat dilihat daripada ciri-ciri penghargaan kendiri pelajar yang tinggi, keupayaan untuk mengawal kehidupan sendiri, mempunyai aspirasi yang tinggi serta mempunyai pencapaian akademik yang tinggi terutama bagi pelajar lelaki, di samping penglibatan dalam aktiviti sosial dan politik yang tinggi.

Di sekolah, pengetua merupakan individu yang paling penting untuk menerajui kegiatan kokurikulum. Pengetua juga merupakan individu penting yang berusaha memimpin sesebuah sekolah bagi mencapai matlamat sekolah. Sebagai ketua dalam organisasi sekolah, pengetua diharap dapat mentadbir dan mengurus

ketiga-tiga bidang tugas sekaligus. Sebagai pengurus kurikulum pula, pengetua seharusnya mempunyai asas-asas pengetahuan semasa yang terkini untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap, berwibawa, berkualiti serta berpandangan jauh dalam merangka program terhadap kemajuan kurikulum dalam organisasinya. Dalam hal ini pengetua harus mempunyai idea yang berasas dan pemikiran yang strategik. Oleh itu, bagi menentukan perancangan strategik ini, pengetua perlu menentukan visi dan misi yang dapat dicapai melalui perancangan jangka panjang yang terperinci, pelaksanaan yang tepat serta penilaian dan pengawasan prestasi yang berkesan agar tahap pencapaian kurikulum di sekolah mencapai matlamatnya. Pengetua memerlukan perancangan dan pengurusan sumber tenaga yang kemas iaitu bertindak sebagai perancang utama tetapi melaksanakannya melalui ‘empowerment’ kepada organisasi dibawahnya.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Tugas mengurus sekolah pada masa ini sangat mencabar, hanya pemimpin sekolah terutamanya pengetua yang mengetahui beban tugas yang dipikul apabila berhadapan dengan pelbagai harapan dari pelbagai pihak. Sekiranya dahulu seorang pengetua boleh menjalankan tugasnya dengan selesa kerana tidak banyak sangat kerentang yang dihadapi. Tetapi dewasa ini, masyarakat sudah berubah menjadi lebih kompleks, lantas banyak perkara yang ditimbulkan dari segi isu-isu pendidikan. Lantaran itu seorang pengetua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah, tidak boleh cepat berpuashati dengan apa yang ada padanya. Pengetua perlulah menambahkan lagi kepakaranya dalam kepemimpinan bukan sahaja untuk melicinkan pengurusan murid, guru, kakitangan, kurikulum, kokurikulum, keceriaan kawasan dan bangunan sekolah bahkan untuk dapat mengurai dengan segera pelbagai isu yang bakal timbul.

Pengetua adalah sebagai pelaksana dasar kerajaan di sekolah. Kerajaan Malaysia telah banyak memperuntukkan perbelanjaan dalam pembangunan mutu pendidikan dan kemudahan infrastuktur. Tindakan ini banyak dilakukan melalui dasar-dasarnya. Bagi pembangunan mutu pendidikan, kerajaan melakukan

penambahbaikannya melalui dasar Plan Induk Pembangunan Pelajaran yang menekankan untuk pembentukan dan melahirkan lebih banyak model insan kelas pertama manakala pembangunan dari segi teknikal banyak dibantu oleh pengagihan peruntukan perbelanjaan di RMK 9 iaitu menaik taraf kemudahan-kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah-sekolah.

Oleh sedemikian, pengetua merupakan tuggak utama pelaksanaan bagi dasar-dasar kerajaan perlulah sentiasa memastikan perjalanan aktiviti di sekolah sentiasa seiring dengan aspirasi dasar-dasar yang dilancarkan. Pendidikan adalah nadi pembangunan sesuatu bangsa. Jika pendidikan jumud, bangsa juga turut kaku dan beku. Sebaliknya kalau pendidikan dinamik, bangsa menjadi cergas dan maju. Kenyataannya boleh dilihat sendiri oleh sesiapa sahaja. Negara-negara yang bergerak pantas adalah negara-negara yang memberi tumpuan dan penekanan serius kepada pendidikan dalam pelbagai bidang terutamanya bidang sains dan teknologi. Hasilnya ciptaan-ciptaan canggih diwujudkan terus menerus bertali arus. Negara-negara ini berada di depan menjadi pemimpin dunia. Dengan ini, jika pengurusan pengetua tidak pro aktif maka ia akan memberi kesan kepada pendidikan negara secara tidak langsung,

Pengetua adalah sebagai penggerak jentera kerja yang berkesan. Pengetua sepatutnya sentiasa berperanan mengkemudi kumpulan kerja yang sentiasa bergerak di atas landasan yang tepat. Karisma seorang pengetua perlu ditunjukkan kepada kumpulan pekerjanya supaya mendapat keyakinan dari para pekerja bahawa mereka telah menerima setiap arahan dan panduan di bawah seorang yang cekap. Untuk tujuan ini, pengetua perlu mencaturkan segala tindak-tanduk dan memberikan keputusan dengan sempurna dalam melaksanakan dasar dan menyelesaikan masalah. Namun demikian, pengetua masih sukar bertindak sebagai ketua yang berkesan kerana arahan sering kali tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Faktor-faktor kejayaan sekolah sebenarnya wujud hasil pengurusan yang mantap. Oleh yang demikian, seseorang pengetua sekolah perlu memahami semua hal pengurusan dengan mendalam jika ingin melihat sekolahnya berjaya. Pengurusan adalah sebagai proses membuat sesuatu dengan bersama orang lain untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Maka konotasinya, mengurus ialah mengendalikan sesuatu dengan baik. Ia melibatkan penggembangan aktiviti merancang, mengatur, menyusun, melaksana,

menyelenggara dan mengawal secara sempurna untuk mengeluarkan hasil seperti yang dikehendaki. Dalam pengurusan yang unggul iaitu yang berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan, pengendalian ini dilakukan oleh pengurus dengan kerjasama ahli-ahlinya yang lain. Oleh yang demikian, adalah harus dikatakan bahawa pengetua juga merupakan pengurus kurikulum disekolah.

Pengetua adalah sebagai penyelia dan penilai bagi gerak kerja aktiviti di sekolah, segala perancangan strategi telah dirancang, diusul dan dipersetujui. Tetapi dari segi pelaksanaannya perlulah di pantau oleh pengetua. Ini adalah kerana tanpa pemantauan pengetua, aktiviti yang dijalankan adalah kurang berkualiti dan dari segi perlaksanaannya perlulah didokumentasikan dengan cekap. Kemudiannya, pelaporan dan dokumentasian yang disediakan dijadikan instrumen pengukur bagi mutu kerja para pekerjanya. Teapi secara realiti, sekiranya pemantauan pihak nazir dilakukan, maklumat perlaksanaan aktiviti yang dirujuk adalah tidak menggambarkan perlaksanaan aktiviti yang berkualiti sepetimana yang direkod.

Menurut Mohd Shaphri (1999), kerja-kerja mengurus dan perencanaan kurikulum sekolah tidak termasuk di dalam jadual kerja pengetua. Mereka sering terikat dengan kerja-kerja yang rutin dan kurang berusaha membabitkan diri dengan aktiviti peningkatan berterusan perkembangan profesionalismenya. Justeru, kekurangan penglibatan pengetua dalam menerajui pengurusan kurikulum di sekolah adalah lumrah melanda sistem pendidikan kita. Seringkali pengetua terkongkong dengan budaya pandang sebelah mata kerana ingin menumpukan sepenuhnya kepada pengurusan kurikulum sahaja. Hal ini secara tidak langsung membantutkan usaha untuk meningkatkan pengurusan kurikulum di sekolah.

Seperti mana kurikulum, gerak kerja kurikulum juga mempunyai peranan dalam pembentukan perkembangan jasmani dan rohani pelajar-pelajar. Oleh yang demikian, kurikulum sekolah juga seharusnya dapat dititikberatkan oleh sekolah-sekolah. Apa yang jelas pada masa ini,ialah bahawa gerak kerja kurikulum sekolah kurang medapat tempat yang sewajarnya.(Surat Pekeling Iktisas Bil. 4/1995)

Sekolah-sekolah yang tidak memberi ketegasan yang sewajarnya bagi mengimbangkan antara kepentingan gerak kerja kurikulum dengan akademik dan

kurang pula menekankan tentang penyertaan menyeluruh pelajar-pelajar di dalam gerak kerja tersebut, boleh menyebabkan pendidikan menyeluruh tidak dapat dicapai. (Surat Pekeliling Iktisas Bil. 7/1988)

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pengetua berada di dalam kedudukan dilema di dalam memfokuskan kecemerlangan sekolahnya. Dibandingkan untuk mengejarkan kecemerlangan kokurikulum individu setiap murid di sekolahnya, pengetua lebih memfokus untuk mengacapi kecemerlangan sasaran akademiknya. Pengetua lebih cenderung berusaha untuk menempatkan sekolahnya untuk berada di dalam senarai terbaik di dalam peperiksaan umum Malaysia sama ada PMR, SPM mahupun STPM. Ini adalah kerana pihak atasan iaitu JPN telah menjadikan pencapaian akademik sekolah sebagai satu kayu ukuran keberkesanan pengurusan pengetua di sekolah. Fokus pengetua terhadap kokurikulum boleh dilihat dari segi peruntukan perbelanjaan yang dilakukan terhadap pembangunan kemudahan fizikal dan jumlah perbelanjaan mengurus aktiviti kokurikulumnya. Sekiranya perbelanjaan hanya banyak kepada kurikulum, masalah dankekangan akan timbul dari segi kelancaran aktiviti kokurikulum yang akan dijalankan. Begitu juga dengan focus pembangunan peningkatan kemahiran guru, dimana sokongan dan galakan oleh pengetua terhadap kursus-kursus yang dapat membantu guru-guru meningkatkan ilmu pengetahuan untuk menjalankan aktiviti kokurikulum.

Berdasarkan masalah dan huraian-huraian mengenai peranan dan kepimpinan pengetua di atas, adalah menjadi fokus kepada kajian ini untuk merungkai permasalahan peranan pengetua berkaitan dengan perkara-perkara iaitu peranan pengetua sebagai menggerakkan aktiviti kokurikulum di sekolah sejajar dengan dasar kerajaan untuk menyeimbangkan perlaksanaan aktiviti dengan kurikulum sepertimana yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Iktisas Bil. 1/1985 yang menjelaskan bahawa pengetua-pengetua sekolah seringkali memfokuskan kecermelangan hanya kepada bidang kurikulum berbanding kecemerlangan kokurikulum.

Selain daripada itu, peranan pengetua sebagai menyediakan elemen-elemen yang lengkap untuk menjalankan kegiatan kurikulum di sekolah. Elemen yang dimaksudkan ialah kemudahan fizikal untuk aktiviti kurikulum dan tenaga kerja mahir untuk mengendali dan menjalankan aktiviti kurikulum yang berkualiti. Seterusnya, peranan pengetua sebagai menguruskan perlaksanaan kegiatan kurikulum di sekolah. Ini akan melihatkan sejauhmana campurtangan pengetua dalam memastikan kegiatan kurikulum yang dijalankan adalah berkualiti.

Berdasarkan laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dalam Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993), faktor kepimpinan, khususnya dalam bidang pengurusan juga menjadi punca kepada timbulnya pelbagai masalah dalam perlaksanaan kurikulum. Penekanan terhadap pengurusan kurikulum pada umumnya masih belum begitu tegas berbanding dengan perhatian yang diberikan kepada bidang akademik. Ini dapat dilihat daripada kualiti perancangan pelaksanaan dan kawalan yang terdapat di beberapa buah sekolah.

Peranan pengetua sebagai mengiktiraf pencapaian aktiviti kurikulum yang dijalankan adalah satu intrumen bagi penilaian prestasi kerja pekerjanya. Tahap penilaian pengetua tidak hanya merujuk kepada pelaporan tetapi bagaimana proses perlaksanaan kegiatan kurikulum dilakukan iaitu secara pendekatan sosial seperti tahap moral dan kecekapan mengurus ketika kegiatan itu dilakukan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Melihat tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kurikulum.
2. Mengenalpasti tahap peranan yang sebenar dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kurikulum menurut persepsi penyelaras kurikulum.

3. Mengenalpasti tahap peranan sebenar yang dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kurikulum berdasarkan bidang tugas
4. Melihat perbezaan amalan pengetua berdasarkan jawatan penyelaras kurikulum sekolah.
5. Melihat perbezaan amalan pengetua sebagai pengurus kurikulum berdasarkan jantina.

## **1.5 Persoalan Kajian Dan Hipotesis Kajian.**

Bahagian ini membincangkan persoalan kajian dan hipotesis kajian.

### **1.5.1 Persoalan Kajian**

Berdasarkan tujuan di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut;

1. Apakah tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kurikulum menurut persepsi penyelaras kurikulum?
2. Apakah tahap peranan yang sebenar dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kurikulum menurut persepsi penyelaras kurikulum?
3. Apakah tahap peranan sebenar yang dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kurikulum berdasarkan bidang tugas?
4. Adakah terdapat perbezaan amalan pengetua sebagai pengurus kurikulum berdasarkan kumpulan penyelaras?
5. Adakah terdapat perbezaan amalan pengetua sebagai pengurus kurikulum berdasarkan jantina?

### **1.5.2 Hipotesis Kajian**

Ho1: Tidak ada perbezaan yang signifikan diantara amalan pengetua berdasarkan jantina.

Ho2: Tidak ada perbezaan yang signifikan diantara amalan pengetua berdasarkan jawatan penyelaras kurikulum sekolah.

### **1.6 Rasional Kajian**

Pengurusan kurikulum yang berkesan dapat menjamin output yang optimum. Para pendidik harus peka tentang prosedur dan pengaedahan dalam pengurusan kegiatan kurikulum yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Pengetua sebagai pengurus kurikulum harus jelas dalam pengurusannya.

Pengurusan kegiatan kurikulum yang lebih meluas dan fleksibel dapat memberi pulangan yang setimpal kepada pelajar-pelajar. Keberkesanan kurikulum bergantung kepada sistem pengurusan sekolah yang berkesan. Pengetua sebagai pengurus harus mengurus “do things right”. Ini bermakna seorang pengurus merupakan seseorang yang mempunyai kecekapan dan kemahiran yang tinggi dalam pengurusan (Hussein, 1997). Pengurusan kegiatan kurikulum di sekolah dan peranan pentadbir sekolah merupakan tunjang dan tenaga penggerak dalam pelaksanaanya. Dengan ini, pengetua bertanggungjawab untuk memastikan segala perancangan seluruh aktiviti kerja, pembimbing dan penggalak bagi meningkatkan kecekapan guru melaksanakan gerak kerja kurikulum. Sebagai pemimpin, pengetua mesti memberi contoh dan bersikap tegas, seterusnya menjalankan penilaian bagi menentukan matlamat kegiatan kurikulum tercapai. Menurut Abu Bakar (1991), isu kurikulum telah diberi penegasan yang kuat dengan kenyataan Menteri Pendidikan pada tahun 1984 tentang usaha kementerian untuk meningkatkan mutu pendidikan, di mana pelajar-pelajar diwajibkan melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum.

Sebagai seorang pengurus kurikulum, pengetua harus melalui empat proses utama (aktiviti kurikulum) iaitu merancang, mengelola, memimpin, dan mengawal. Di sini, penulis bertujuan untuk membuat satu tinjauan di sekolah menengah di sekitar bandar daerah Mersing mengenai pengetua sebagai pengurus kurikulum sekolah.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan kepada berbagai pihak seperti berikut:

1. Memberi maklumat kepada pengetua, Pejabat Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia situasi sebenar untuk pengurusan kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah.
2. Membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Daerah mengenalpasti beberapa kelemahan yang ada pada pengetua sebagai pengurus kurikulum di sekolah dalam usaha untuk merancang dan menyusun beberapa program yang perlu diberi keutamaan agar pengetua dapat berperanan sebagai pengurus kurikulum yang berkesan.
3. Membantu pengetua untuk menilai sendiri prestasi pengurusan kurikulum masing-masing dan mengambil beberapa langkah penyelesaian yang dicadangkan untuk memperbaikinya.
4. Memberi kesedaran kepada pengetua bahawa peranan yang dimainkan oleh mereka hendaklah diseimbangkan di antara tugas pentadbiran dan pengurusan kurikulum iaitu sentiasa mengambil berat tugas-tugas yang dilaksanakan oleh guru yang menyandang jawatan sebagai penyelaras kurikulum khususnya dalam pengurusan kurikulum di sekolah.

5. Membantu pengetua mengetahui beberapa penilaian guru yang menyandang jawatan sebagai penyelaras kokurikulum terhadap peranan mereka sebagai pengurus kokurikulum yang boleh dijadikan panduan untuk memastikan pada masa akan datang pernan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar tidak timbul ketidakpuasan dikalangan guru-guru.
6. Membantu kajian-kajian akan datang untuk mengkaji mengenai peranan pengetua sebagai pengurusan kokurikulum dari berbagai sudut yang lain agar peranan ini tidak dibiarkan begitu sahaja kerana ianya berkait rapat dengan kecemerlangan kokurikulum pelajar.

### **1.8 Skop Batasan kajian**


Kajian ini dibataskan kepada pengetua sebagai pengurus kokurikulum di sekolah-sekolah menengah di sekitar bandar Mersing, Johor Darul Ta'zim. Sekolah-sekolah tersebut adalah sekolah menengah harian biasa, gred A dan gred B. Seterusnya, kajian ini hanya terbatas kepada pandangan guru-guru di sekolah yang dipilih. Kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan melalui soal selidik. Jawapan yang akan diberikan oleh responden berasaskan kepada kejujuran dan keikhlasan responden. Jadi diharap responden memberikan jawapan secara jujur dan ikhlas. Andaian penyelidik tentang pengetua di sekolah berkenaan adalah mereka yang berperanan sebagai pengurus kokurikulum sekolah. Guru-guru yang menjadi subjek kajian merupakan guru yang menyandang mana-mana jawatan penyelaras kokurikulum.

Penyelidikan ini terbatas kerana jangka masa yang terlalu singkat. Alat ukur min dan sisihan piawai digunakan untuk melihat tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kokurikulum menurut persepsi penyelaras kokurikulum, mengenalpasti tahap peranan yang sebenar dimainkan oleh pengetua menurut persepsi penyelaras kokurikulum dan mengenalpasti tahap peranan sebenar yang dimainkan oleh pengetua berdasarkan bidang tugas. Untuk melihat perbezaan amalan pengetua berdasarkan penyelaras kokurikulum sekolah alat ukur

Anova digunakan. Manakala alat ukur Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan amalan pengetua berdasarkan jantina. Keputusan kajian ini mungkin dapat digunakan untuk membuat kesimpulan bagi tempat-tempat lain

### 1.9 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dapat dijelaskan seperti rajah di bawah:



**Rajah 1.1 : Kerangka Kajian**

Berdasarkan Rajah 1.1, kumpulan penyelaras kokurikulum terdiri daripada penyelaras kelab dan persatuan, penyelaras sukan dan permainan dan penyelaras unit beruniform. Jawatan penyelaras kelab dan persatuan adalah terdiri daripada guru penasihat untuk setiap kelab dan persatuan yang terdapat di sekolah. Begitu juga bagi jawatan penyelaras sukan dan permainan adalah terdiri daripada guru penasihat untuk setiap sukan dan permainan. Bagi jawatan penyelaras unit beruniform pula adalah terdiri daripada guru penasihat untuk setiap unit beruniform.

Peranan pengetua sebagai pengurus kokurikulum di sekolah terdiri daripada empat dimensi iaitu perancang kokurikulum, pengelola kokurikulum, pemimpin kokurikulum dan pengurus kokurikulum sekolah. Kumpulan penyelaras kokurikulum diambil sebagai responden untuk melihat peranan yang sebenar dilakukan oleh pengetua disekolah. Setiap peranan pengetua sebagai pengurus kokurikulum di sekolah adalah diperolehi daripada Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993) yang dikeluarkan oleh Jemaah Nazir Persekutuan. Dan peranan pengetua yang dinyatakan di atas merupakan peranan yang sepatutnya dilakukan oleh pengetua di setiap sekolah.

Berdasarkan gambar Rajah 1.1, dari sudut prosesnya merangkumi fungsi-fungsi seperti merancang, mengelola, memimpin, mengawal. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Mohd Salleh (2000), mengenai menggariskan keberkesanan tingkah laku pemimpin, iaitu:

1. Bekerja dengan bersungguh-sungguh dan memberi arahan kepada kakitangannya untuk mencapai matlamat organisasi.
2. Mempunyai matlamat dan visi jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta melatih kakitangannya memahami dan memenuhi matlamat yang dikehendaki.
3. Meningkatkan prestasi kerja kakitangan-kakitangan yang lain.
4. Berusaha untuk melakukan perubahan yang baik.

5. Pemimpin mestilah tegas dan berusaha untuk menggerakkan atau memotivasi kakanitangan berdasarkan peraturan-peraturan tertentu.
6. Sanggup menghadapi risiko. Seseorang pengetua harus mempertahankan hujah-hujah tertentu jika terdapat bantahan dan rungutan daripada pihak luar.
7. Mempunyai kematangan dan kecerdasan berfikir. Dengan adanya daya pemikiran yang sihat. Ianya membolehkan seseorang pemimpin itu merancang sebarang perancangan atau strategi dengan teratur.
8. Pemimpin perlu mewujudkan suasana kerja yang menyeronokkan.
9. Berjaya mempengaruhi dan menyakinkan kakitangannya dalam sebarang idea atau perancangan yang hendak dilakukan.
10. Mempunyai sifat bertimbang rasa seperti kemesraan, layanan yang baik, dan hormat menghormati terhadap kakitangan.
11. Pengetua juga perlu mementingkan tugas yang berstruktur, seperti membuat perancangan yang teratur, mencuba idea-idea yang baru, dan pandai mengawasi perjalanan organisasi.
12. Mempunyai bakat semula jadi atau dilahirkan sebagai pemimpin. Maksudnya, seseorang yang menjadi pemimpin biasanya mempunyai ketekunan dan kewibawaan sebagai seorang pemimpin.
13. Banyak melibatkan diri dengan komunikasi di antara kakitangan-kakitangan melalui proses komunikasi dua hala.
14. Pemimpin juga perlu sabar dan tabah sekiranya terdapat tekanan-tekanan daripada pihak tertentu.

## 1.10 Definisi Kajian

Bahagian ini memfokuskan definisi pengetua dan pengurusan kurikulum.

### 1.10.1 Peranan Pengetua

Peranan bermaksud tugas atau tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh seseorang pengetua. Sebagai seorang pengetua, peranannya adalah mengetuai sekolah. Walau bagaimanapun peranan pengetua dalam kajian ini ialah sebagai pengurus kurikulum yang hanya membincangkan empat peranan sahaja iaitu sebagai perancang kurikulum, pengelola kurikulum, pemimpin kurikulum dan pengawal dalam pengurusan kurikulum sekolah.

### 1.10.2 Pengurusan Kokurikulum

Kemahiran mengurus kurikulum merupakan satu proses yang sangat penting bagi mencapai matlamat dan tujuan kegiatan kurikulum. Apabila disebut perkataan pengurusan, dua konsep yang tidak boleh dipisahkan dan sentiasa berhubung kait atau saling bertindan ialah konsep mengurus dan mentadbir. Kedua-dua konsep ini mempunyai persamaan dan perbezaanya.

Mengikut Kamus Dewan (1994), mentadbir adalah mengelola, menjalankan, dan memerintah atau mengarah. Manakala mengurus pula adalah mengendali, mengelola, dan menjaga sesuatu perkara supaya teratur, rapi, dan sempurna serta menyelenggara dan menyelesaikan sesuatu perkara.

Menurut Abd. Alim (1995), dalam situasi pengurusan kurikulum di sekolah, inputnya ialah kewangan, tenaga jurulatih, peralatan, dan kemudahan-kemudahan lain. Manakala output ialah murid atau pelajar yang mendapat sesuatu manfaat daripada penyertaan mereka alam aktiviti kurikulum yang dirancang oleh sekolah atau persatuan dan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Antara beberapa tugas utama pengurus kurikulum ialah perancangan, dimana seseorang pengurus itu dapat menentukan objektif dan matlamat aktiviti kurikulum, membentuk AJK dan mengenal pasti peserta-peserta serta kemudahan dan tempat menjalankan aktiviti. Tugas yang kedua penting ialah pengelolaan, dimana mewujudkan struktur organisasi dan perlembagaan dengan pernyataan tugas-tugas, peranan, objektif dan matlamatnya. Tugas yang ketiga ialah pimpinan, dimana memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin dan fasilitator. Tugas yang ke empat ialah penyeliaan, dimana bertugas sebagai memerhati, mengawal dan menilai aktiviti dan program semasa dijalankan untuk menentukan pencapaian matlamatnya dan tugas yang kelima ialah perhubungan luar, dimana berhubung dengan ibu bapa dan agensi-agensi yang boleh memberi sokongan dan bantuan untuk menjalankan aktiviti kurikulum yang ditentukan.

Untuk mengurus dan melaksanakan aktiviti kurikulum dengan berkesan, pengurus harus menguasai pengetahuan dan kemahiran pengurusan aktiviti kurikulum serta memperoleh sikap positif antaranya ialah memperoleh pengetahuan tentang tatacara pengurusan organisasi kurikulum, memperoleh pengetahuan tentang perlumbagaan atau peraturan atau undang-undang terhadap aktiviti kurikulum yang dipertanggungjawabkan, menguasai kemahiran merancang, menyelaras, melaksana, memantau dan menyelidik pelaporan tentang aktiviti kurikulum yang dipertanggungjawabkan, menguasai kemahiran hubungan interpersonal dan kemahiran khusus tentang aktiviti kurikulum yang dipertanggungjawabkan, serta kemahiran menilai dan membuat keputusan. Selain itu, pengurus perlu mempunyai sikap cemerlang yang dapat mengharumkan nama baik sekolah.

Kesimpulannya, di sini jelas menunjukkan bahawa kemahiran mengurus mempunyai perkaitan dengan kemahiran merancang, mengatur, strategi, menyelia, melaksana dan mengarah, memotivasi, perhubungan manusia, dan membuat penilaian.